



LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

POLISI PERLINDUNGAN CERUN DAN SUNGAI

LKPP Corporation Sdn. Bhd. komited untuk perlindungan alam sekitar dan memelihara cerun dan sungai selaras dengan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh Persijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

❖ Perlindungan Cerun

Kawasan yang berkecerunan $>25^\circ$ mesti dikecualikan daripada sebarang aktiviti pembangunan perladangan dan penanaman semula.

Menanam kekacang penutup bumi atau mengekalkan pertumbuhan rumput-rumput lembut di kawasan yang sukar untuk membentuk litupan kekacang penutup bumi.

Mengadakan teres atau lain-lain kaedah untuk mengurangkan hakisan dan larian tanah permukaan mengikut kesesuaian setempat.

❖ Zon Penampian Sungai

Zon penampian harus dikekalkan di kedua-dua belah tebing sungai seperti jadual di bawah:-

Lebar Sungai (m)	<5	5-10	11-20	21-40	>40
Zon Penampian (Kedua-dua tebing sungai)	5m	10m	20m	40m	50m

- atau mengikut peruntukan dan undang-undang setempat.

Kawasan sedia ada yang tidak memenuhi kriteria di atas wajib mematuhi garis panduan ini semasa aktiviti penanaman semula masa akan datang.

Mengadakan zon penampian yang bersesuaian di kedua-dua belah tebing sungai, untuk menapis sebarang bahan asing yang berupaya mencemarkan sungai. Amalan ini akan dikuatkuasakan di kesemua kawasan pembukaan baru.

❖ Inisiatif Kawalan Pencemaran Sungai

Mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) dalam operasi perladangan dengan mengambilkira potensi pencemaran terutama dalam pembinaan jalan, teres atau parit, pengurusan pembajaan dan penggunaan bahan kimia dalam pengawalan rumpai dan makhluk rosak.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd, Anak Syarikat dan semua pihak yang berkepentingan dalam syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis syarikat.


HAJI SHAHRUMZAKI BIN HASSAN
Pengurus Besar

01 Februari 2021

No. 7/2021